

# Sisa elektronik diterima di pusat kitar semula **pandu lalu**

**JASIN** - Sisa elektronik atau e-waste kini diterima di fasiliti Pusat Pandu Lalu KITAREcycle (PPLK) di bawah SWM Environment Sdn Bhd.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, langkah itu diambil bagi memperluaskan lagi amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Jelas beliau, pengumpulan sisa elektronik itu dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Untuk sisa elektronik ini, kita telah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul bahan tersebut sebelum diserahkan kepada vendor berdaftar," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Taman Muhibbah Ja-

sin, di sini, yang disempurnakan Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Datuk Zulkiflee Mohd Zin.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Muhammad Zahiruddin Mohd Zahari serta lain-lain kenamaan.

Menurut Mohd Norlisam, PPLK SWM Environment bagaimanapun hanya berperanan sebagai pusat pengumpulan (collection point) dan tidak menjalankan proses pelupusan atau pemprosesan lanjut.

"Kita tidak buat 'downstream process', maknanya kita hanya bantu kumpul dan vendor berdaftar akan datang untuk kutipan dan pengurusan seterusnya," jelasnya.

Tambah beliau, langkah itu penting bagi memastikan pengurusan sisa elektronik dilakukan mengi-

“ Untuk sisa elektronik ini, kita telah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul bahan tersebut sebelum diserahkan kepada vendor berdaftar. ”

kut garis panduan yang ditetapkan bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Pada masa sama, ujarnya, orang ramai digalakkan memanfaatkan kemudahan PPLK untuk melupuskan barangan elektronik seperti peralatan elektrik rosak dan peranti lama dengan cara yang lebih selamat dan tera-



**MOHD Norlisam mengiringi Zulkiflee melakukan gimik pengumpulan bahan kitar semula secara pandu lalu di PPLK Jasin. Foto MPJ**

tur.

Dalam pada itu, mengulas mengenai PPLK di Taman Muhibbah Jasin beliau berkata, ia merupakan fasiliti ketiga di bawah program kitar semula berganjaran KITAREcycle oleh SWM Environment.

Jelas beliau, PPLK itu bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan mengubah tingkah laku masyarakat ke arah membudayakan amalan kitar semula, malah membolehkan orang ramai menjana pendapatan.

"Ini bukan sahaja meng-

galakkan amalan kitar semula, malah inisiatif ini turut menyediakan insentif ganjaran kepada pengguna yang boleh ditukar tunai melalui perbankan atas talian sebagai satu amalan yang bernilai, praktikal dan berdaya tarikan tinggi," katanya.